

02/06/2003

Perusuh rosakkan kereta misi diplomatik Malaysia

LAUSANNE (Switzerland): Dua kereta milik misi diplomatik Malaysia ke Switzerland turut rosak apabila sekumpulan penunjuk perasaan antiglobalisasi di bandar ini merusuh, menjelang bermulanya Sidang Kemuncak Negara G-8 di Evian, Perancis, pagi semalam.

Dalam kejadian itu, sekumpulan kira-kira 400 penunjuk perasaan berkumpul depan Hotel Royal Savoy, di Avenue d'Ouchy yang kebetulan menjadi pusat urus setia delegasi Malaysia, kira-kira jam 9 pagi dengan melaungkan slogan antiglobalisasi.

Keadaan yang pada mulanya tenang mula bergolak sebaik ketibaan pasukan polis pencegah rusuhan dengan segelintir penunjuk perasaan mula bertindak ganas membaling batu ke arah mereka, termasuk merosakkan beberapa bangunan berhampiran.

Kira-kira 10 minit kemudian, kira-kira 50 daripada perusuh itu mara ke pekarangan Hotel Royal Savoy dan memecahkan pintu kaca utama serta merosakkan beberapa kereta yang diletakkan di kawasan letak kereta.

Dua kereta Volvo milik misi diplomatik Malaysia ke negara ini turut rosak apabila cermin belakang satu daripadanya dipecahkan, manakala tayar sebuah yang lain dikelar perusuh. Dua kereta itu juga dicalarkan serta kemek di beberapa bahagian.

Kejadian itu menyebabkan kumpulan wartawan Malaysia yang mahu keluar membuat liputan Dialog Tidak Rasmi menjelang Sidang Kemuncak G-8 di Evian, Perancis - kira-kira 30 minit perjalanan dengan bot menyeberangi Tasik Geneva dari sini - terkandas.

Bagaimanapun, penunjuk perasaan gagal mara ke Hotel Beau-Rivage, iaitu lokasi penginapan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, kira-kira 300 meter daripada Hotel Royal Savoy.